

AUDIO (TREK 36)

PETIKAN 2: Akhbar

Arahan: Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan akhbar yang diperdengarkan.

Tandakan jawapan yang betul bagi soalan 1.

- 1 Yang berikut merupakan antara penipuan dalam talian, **kecuali**

A Love Scam.
B Macau Scam.
C keldai akaun.
D pinjaman wang.

[1 markah]


- 2 Apakah tindakan yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika menjalankan siasatan berkaitan dengan isu penipuan dalam talian?

[2 markah]

- 3 Nyatakan modus operandi yang digunakan oleh penipu siber dalam usaha memanipulasi mangsa.

[2 markah]

- 4 Lengkapkan ruang kosong di bawah ini berkenaan dengan platform semakan yang disediakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menangani kegiatan penipuan siber.

semakan nombor telefon		
semakan akaun bank		013-2111222
		Facebook Cyber Crime Alert RMT

[2 markah]

Tandakan jawapan yang betul bagi soalan 5.

- 5 Perkara yang ditegaskan oleh penulis berdasarkan petikan yang telah diperdengarkan ialah
- A SPRM sentiasa memantau kegiatan penipuan siber.
B pihak berkuasa tidak berurusan melalui panggilan telefon.
C orang ramai perlu segera membuat panggilan kepada pihak polis apabila ditipu.
D orang ramai perlu melayari laman muka buku untuk berkongsi masalah yang dihadapi oleh mereka.

AUDIO (TREK 37)

PETIKAN 3: Travelog

Arahan: Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan travelog yang diperdengarkan.

- 1) Mengapakah penulis kurang berminat dalam aktiviti pendakian? [2 markah]

Tandakan jawapan yang betul bagi **soalan 2**.

- 2) Yang berikut merupakan trek yang boleh digunakan oleh pendaki Gunung Kinabalu, **kecuali**

A Timpohon.
B Mesilau.
C Ferratta.
D Laban Rata.

[1 markah]

- 3) Di manakah tempat penginapan pertama penulis sebelum meneruskan pendakian ke puncak Gunung Kinabalu? [2 markah]

- 4) Lengkapkan ruang kosong berkenaan dengan perjalanan penulis sehinggalah sampai ke puncak Gunung Kinabalu. [1 markah]



Tandakan jawapan yang betul bagi **soalan 5**.

- 5) Pada pukul berapakah penulis berjaya sampai di puncak Gunung Kinabalu?

A Pukul 2:00 pagi
B Pukul 3:50 pagi
C Pukul 5:50 pagi
D Pukul 6:00 pagi

[1 markah]

- 6) Berapa lamakah masa yang diambil oleh penulis dari puncak Gunung Kinabalu untuk sampai di tempat permulaan pendakian, iaitu di Mesilau? [2 markah]